

FOTO AZHAR RAMLI



AHMAD melihat pengesanan unsur babi dalam produk makanan sambil diperhatikan Dr. Aini (dua dari kanan) dan Mohd Yazid (kanan).

# PANTAS KESAN BAHAN HARAM



KAKITANGAN Makmal Laboratori Perkhidmatan Halal, Siti Munira Abdul Razak (kanan) dan Mafuza Samsudin memproses pengesanan unsur babi dalam produk makanan.



TEKNOLOGI mengesan kandungan alkohol dalam produk makanan dan minuman.

IPPH  
keluarkan  
sijil dalam  
tempoh  
7 hari selepas  
analisis  
sampel  
produk

## INOVASI

Mohamad Hussin  
mohamad\_hussin@  
hmetro.com.my

**Permintaan** terhadap produk halal yang tinggi, selain sukar menentukan statusnya meningkatkan keprihatinan pengguna Islam terhadap kualiti dan kesahihan sesuatu produk. Keprihatinan terhadap keselamatan, kualiti, komposisi serta pengesanan produk dan perkhidmatan yang digunakan juga makin mendapat perhatian dalam kalangan pengguna Islam.

Sehubungan itu, Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM) yang ditubuhkan pada 1 Jun 2006 antara langkah proaktif dalam merealisasikan IPPH sebagai pusat rujukan, penyelidikan dan pembangunan terunggul dalam bidang berkaitan produk halal.

Pengarah IPPH UPM Prof Datuk Mohd Yazid Manap berkata, menjadi tanggungjawab untuk mendidik pengguna berkaitan produk halal dan haram kerana ada banyak isu berkaitan produk pengguna Islam.

Beliau berkata, isu halal dan haram penting sehingga pelbagai penyelidikan dan pencarian kaedah baru bagi menentukan kesahihan sesuatu produk dijalankan.

"IPPH berperanan sebagai pusat sehati melalui pendekatan menyeluruh, seimbang dan 'multifaceted' bagi mengkaji segala aspek produk halal pada peringkat kebangsaan dan global.

"Inisiatif IPPH mendapat sokongan pelbagai agensi dan kementerian lain seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Standard Malaysia (DSM) dan Perbadanan Kemajuan Industri Halal (HDC)," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Ahmad Maslan di IPPH UPM, Serdang, baru-baru ini.

Turut hadir Naib Canselor UPM Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris dan Ketua Laboratori Perkhidmatan Halal IPPH UPM Prof Madya Dr Nitty Hirawaty Kamarulzaman.

Mohd Yazid berkata, IPPH memainkan peranan penting menjamin industri kecil dan sederhana (IKS) dapat meningkatkan pengeluaran produk dan perkhidmatan halal tidak hanya di pasaran Malaysia, malah antarabangsa.

"Pelbagai sampel bahan mentah dan produk diterima dan dianalisis dari segi pengesanan unsur DNA babi, penentuan profil asid amino, penentuan kandungan alkohol dalam minuman, analisis lemak dan minyak serta analisis lain mengikut keperluan dan permintaan semasa.

"Lapan kaedah pengujian berakreditasi ditawarkan IPPH kepada pemain industri dan pelbagai sampel merangkumi kolagen, gelatin, kapsul, jus minuman, produk daging dan ikan terproses antara contoh sampel yang kerap dihantar untuk dianalisis," katanya.

Menurutnya, keputusan dan maklumat berkaitan kandungan bahan sesuatu sampel yang dianalisis IPPH sama ada halal atau haram akan dikeluarkan dalam bentuk Certificate of Analysis (CoA) dalam tempoh masa tujuh hari bekerja sahaja.

"Keputusan dan maklumat berkaitan status halal sesuatu produk dibuktikan secara saintifik boleh digunakan oleh IKS bagi proses permohonan sijil halal daripada JAKIM.

"JAKIM satu-satunya badan utama mengeluarkan pensijilan halal di Malaysia. Sijil halal keluaran JAKIM sudah dikenali, malah logo halalnya dipercayai di peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata, dengan adanya kelengkapan makmal yang berteknologi

tinggi, IPPH mampu memberikan perkhidmatan analisis halal kepada pelanggan untuk menjamin kualiti produk mereka adalah halal toyyiban untuk pasaran berdasarkan bukti secara saintifik.

"Bagi memenuhi keperluan produk halal di pasaran, ia tidak hanya menurus kepada produk berasaskan makanan dan minuman, malah IPPH sedang dalam fasa membangunkan kaedah pengujian analisis halal bagi produk farmaseutikal dan kosmetik.

"Fokus IPPH tidak hanya menurus kepada penyelidikan halal tetapi juga perkhidmatan analisis halal kepada pemain industri yang terbabit.

"Ini akan dapat membantu pembabit pemain industri dalam

memastikan produk keluaran mereka halal toyyiban dan menjadi lebih berintegriti dalam memenuhi keperluan pengguna," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, daripada 6,548 syarikat yang terbabit dalam industri halal tahun lalu, Bumiputera hanya menyumbang 30 peratus manakala bukan Bumiputera 70 peratus.

"Penyertaan Bumiputera dalam industri halal sangat rendah. Saya harap dengan banyak usaha dijalankan kita boleh meningkatkan penyertaan mereka pada masa depan.

"Menjadi tanggungjawab Bumiputera untuk meningkat dan menggalakkan produk halal untuk semua dan menjadikannya perniagaan global," katanya.